

Nama: _____

Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 2/2001
1 Jam

KERTAS MODEL
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2001

BAHASA MELAYU
Satu jam

1. *Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.*

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca cerita di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Mesyuarat Kelab Kembara baru saja berakhir. Ginang telah dilantik oleh Cikgu Idrus sebagai ketua ekspedisi rimba yang akan dijalankan. Husaini dan beberapa orang rakannya berasa kecewa. Kekecewaan mereka bukanlah disebabkan oleh rasa iri hati terhadap Ginang, tetapi terhadap cara Cikgu Idrus menilai keupayaan mereka.

“ Saya kurang bersetujulah dengan cara Cikgu Idrus tadi. Beliau sepatutnya membuat pemilihan dengan bijak dan adil,” kata Husaini kepada Rafik dan Sudin.

“Yalah. Mentang-mentang Ginang tu berbadan besar, kita yang kecil-kecil ni langsung tidak dipandangnya,” Rafik meluahkan kekecewaannya.

“ Apa yang harus kita buat, Husaini?” tanya Sudin pula.

“ Rasa saya tidak ada faedahnya kita merungut-rungut saja. Pelantikan telah dibuat dan kita perlu akur. Kita perlulah bekerjasama dengan sepenuh hati. Harap-harap Ginang akan menjadi seorang ketua yang baik.”

Apabila tiba hari yang dinantikan, ekspedisi rimba pun bermula. Husaini dan rakan-rakannya yang lain sentiasa mengikut arahan yang diberikan oleh Ginang. Mereka sedikitpun tidak menunjukkan rasa marah atau kecewa. Sebaliknya, mereka sentiasa saja tolong-menolong, bagai aur dengan tebing.

Pada suatu hari, mereka tiba di sebatang sungai yang agak dalam airnya. Untuk menyeberangi sungai itu mereka terpaksa meniti sebatang kayu. Keadaan agak berbahaya kerana batang kayu itu sangat licin.

Tiba-tiba, sesuatu yang tidak diduga akhirnya berlaku. Rafik tergelincir lalu jatuh ke dalam sungai.

Ginang tidak tahu berbuat apa-apa. Dia sudah mati akal. Hendak terjun ke dalam sungai tersebut, dia berasa takut. Dia hanya memperhatikan saja anak buahnya itu terkapai-kapai dibawa arus.

Mujurlah Husaini cepat bertindak. Dia menyuruh Sudin mencari sebatang kayu yang panjang. Tanpa rasa gentar, dia terjun ke dalam sungai. Dia memaut badan rakannya itu lalu berenang ke arah batang kayu yang dihulurkan oleh Sudin. Akhirnya Rafik berjaya diselamatkan.

Cikgu Idrus terpegun melihat kejadian itu. Beliau tidak menyangka bahawa Husaini yang bertubuh kecil itu sungguh berani dan tinggi semangatnya.

“Kecil-kecil lada api, besar-besar-besar lada abung.” Itulah kata-kata yang terkeluar dari mulut Cikgu Idrus sewaktu ingin mengucapkan tahniah kepada Husaini dan Sudin.

1. Mengapakah Husaini dan rakan-rakannya kecewa?
 - A kerana tidak suka akan sikap Ginang yang sombong
 - B kerana tidak terpilih menyertai ekspedisi rimba
 - C kerana tidak bersetuju dengan cara pemilihan ketua ekspedisi rimba
 - D kerana gagal menunjukkan kemampuan kepada Cikgu Idrus

2. Apakah faktor yang mungkin dinilai oleh Cikgu Idrus untuk memilih Ginang sebagai ketua ekspedisi rimba?
 - A kebijaksanaan
 - B ketahanan mental
 - C keberanian
 - D sifat fizikal

3. Apakah nasihat Husaini kepada rakan-rakannya?
 - A membantah pelantikan Ginang sebagai ketua ekspedisi
 - B memulaukan kegiatan ekspedisi yang akan dijalankan
 - C memberikan sokongan yang padu kepada Ginang
 - D mengadukan hal tersebut kepada Guru Besar

4. Apakah faktor yang menunjukkan bahawa Ginang bukanlah seorang ketua ekspedisi yang baik?
 - A sikapnya yang selalu memberikan arahan
 - B sifatnya yang penakut dan mudah panik
 - C hobinya yang suka menyertai kegiatan lasak
 - D hubungan baik yang dijalinakannya dengan Cikgu Idrus

5. Apakah yang dimaksudkan oleh peribahasa **“kecil-kecil lada api, besar-besar lada abung”**?
 - A lebih baik kecil tetapi berani daripada besar tetapi penakut
 - B orang berani biasanya kecil, tetapi orang yang penakut biasanya besar
 - C tidak guna bertubuh kecil dan berani, tetapi biarlah bertubuh besar walaupun penakut
 - D jangankan yang kecil, yang besar pun selalunya penakut

Soalan 6 hingga Soalan 10

Suasana di rumah Encik Kamal agak sibuk. Banyak jiran yang datang ke rumahnya. Walaupun majlis perkahwinan anak perempuannya Shakila, akan berlangsung seminggu lagi, Encik Kamal telah menjemput orang kampung bermesyuarat di rumahnya.

Ketua kampung, Encik Ibrahim telah mempengerusikan mesyuarat itu. Mereka berbincang tentang pembahagian kerja yang akan dilakukan seperti melapah daging lembu, memasak, mendirikan khemah, membasuh pinggan-mangkuk, dan sebagainya.

Pada petang Sabtu, sehari sebelum majlis perkahwinan dijalankan, kemeriahan majlis mula dirasai. Kaum wanita sibuk di dapur. Mereka mengupas bawang, kentang, merebus telur, dan sebagainya. Sementara kaum lelaki pula sibuk dengan tugas-tugas mendirikan khemah.

Perancangan teliti yang diatur menjadikan majlis perkahwinan berjalan lancar. Tugas-tugas mengangkat hidangan dilakukan oleh golongan muda. Begitu juga dengan tugas mengemas dan membersihkan meja. Tuan rumah sibuk melayan tetamu yang datang berkunjung. Pasangan mempelai tersenyum simpul bersanding di atas pelamin yang direka khas.

Kira-kira pukul 5.00 petang, keadaan di rumah pengantin mulai lengang. Para tetamu mula beredar meninggalkan majlis kenduri itu. Sungguhpun begitu, petugas-petugas masih lagi meneruskan kerja masing-masing sehingga selesai.

Encik Kamal dan isterinya sungguh gembira.. Hal ini demikian kerana orang-orang kampung dan saudara mara mereka banyak menghulurkan bantuan. Konsep "**berat sama dipikul, ringan sama dijinjing**" yang diamalkan telah memungkinkan majlis perkahwinan tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna.

6. Pada hari apakah majlis perkahwinan Shakila diadakan?
- A. Sabtu
 - B. Ahad
 - C. Isnin
 - D. Selasa

7. Apakah tujuan Encik Kamal memanggil orang kampung bermesyuarat di rumahnya?
- A. untuk mengumumkan berita perkahwinan anaknya
 - B. untuk menyuruh orang kampung memulakan tugas mereka
 - C. untuk membahagi-bahagikan tugas yang patut dilakukan
 - D. untuk mengeratkan perhubungan sesama mereka
8. Siapakah sibuk melayan tetamu semasa berlangsungnya majlis perkahwinan itu?
- A. Encik Kamal
 - B. Encik Ibrahim
 - C. Shakila
 - D. Orang kampung
9. **Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing** bermaksud...
- A barang yang berat hendaklah diangkat bersama-sama.
 - B segala kesusahan dan kesenangan sama-sama ditanggung.
 - C sesuatu kerja mestilah dilakukan mengikut perancangan yang betul.
 - D bertolak-ansur dalam membuat sesuatu pekerjaan.
10. Tugas-tugas yang berikut dilakukan sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan **kecuali**...
- A. mengangkat hidangan.
 - B. mendirikan khemah.
 - C. mengupas bawang.
 - D. merebus telur.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca surat kiriman di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

12, Jalan Kebun Bunga,
Kampung Alur Rumbia,
83000 Batu Pahat,
Johor Darul Takzim.

12 November 2001.

Menemui sahabatku, Ariana yang kini berada di Segamat, semoga beroleh kesejahteraan sentiasa.

Saudari,

Apa khabar saudari sekarang? Harapan saya agar saudari sekeluarga dalam keadaan sihat sejahtera. Bagi pihak diri saya sekeluarga, kami sihat-sihat saja.

Masih ingatkah saudari pada dusun buah-buahan ayah saya? Kira-kira dua tahun yang lalu, ketika pertama kali saudari berkunjung ke sini, saudari telah dibawa melawat ke dusun ayah saya. Pada ketika itu, pokok buah-buahan masih belum berbuah. Banyak kerja yang kita lakukan bersama. Kita menebas lalang, menabur baja, membuat batas, dan sebagainya. Saudari pernah menyatakan bahawa jika pokok-pokok itu berbuah, saudarilah orang pertama yang mahu menikmati **keenakan** buah-buahan di dusun itu.

Kata-kata saudari itu masih segar di ingatan saya. Oleh sebab itulah, saya menulis surat ini. Saya ingin mengundang saudari datang ke rumah saya. Hal ini demikian kerana pokok buah-buahan di dusun ayah saya sedang lebat berbuah. Dalam masa seminggu dua ini, buah-buahan tersebut akan masak ranum. Saya pasti bahawa saudari akan berasa cukup gembira. Saudari bukan saja boleh makan buah-buahan tersebut sepuas-puasnya tetapi juga dapat melihat hasil titik peluh saudari sendiri.

Oh, ya! Baru-baru ini, ayah didatangi oleh beberapa orang pemborong dari bandar. Mereka ingin membeli buah-buahan ayah dengan harga yang tinggi. Menurut mereka, permintaan terhadap buah-buahan tempatan terutamanya daripada pengusaha-pengusaha hotel cukup menggalakkan. Nampaknya, usaha kita **berbudi kepada Bumi** memang tak merugikan. Bak kata peribahasa, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

Rasanya cukuplah setakat ini coretan saya. Diharapkan agar saudara sudi menerima undangan ini. Akhir kata, sambutlah salam mesra untuk saudara sekeluarga di sana. Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Zaleha

- 11 Mengapakah Zaleha menulis surat kepada Ariana?
- A untuk bertanyakan khabar Ariana
 - B untuk menjemput Ariana datang ke rumahnya
 - C untuk memberitahu kedatangannya ke rumah Ariana
 - D untuk membalas surat Ariana
- 12 Pada tahun bilakah Ariana berkunjung ke rumah Zaleha buat pertama kalinya?
- A 1998
 - B 1999
 - C 2000
 - D 2001
- 13 Kata seerti bagi kata **keenakan** ialah...
- A kesedapan.
 - B kebaikan.
 - C keharuman.
 - D kemanisan.
- 14 Rangkaian kata-kata **berbudi kepada Bumi** yang terdapat dalam petikan bermaksud...
- A berbakti kepada negara.
 - B berusaha di tanah air sendiri.
 - C bercucuk tanam.
 - D berjasa kepada keluarga.
- 15 Pilih pernyataan yang tidak benar.
- A Ariana merupakan rakan sekampung Zaleha.
 - B Amalan bercucuk tanam merupakan amalan yang amat berfaedah.
 - C Pokok buah-buahan di dusun ayah Zaleha sedang lebat berbuah.
 - D Ariana turut menyumbangkan tenaga mengerjakan dusun ayah Zaleha.

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca catatan di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

14 Jun 2001

7.00 pagi

Dalam suasana kesejukan pagi, saya dan rakan-rakan mula bergerak ke destinasi dengan menaiki sebuah lori. Setelah lebih kurang satu jam setengah melalui jalan sempit dan berbecak, akhirnya kami tiba di kaki Gunung Inas. Ketibaan kami disambut oleh Pak Mail yang akan menjadi jurupandu dalam pendakian kami. Pak Mail yang merupakan anak jati Kampung Ulu, iaitu kampung yang paling hampir dengan kaki Gunung Inas amat mahir tentang selok-belok di kawasan berkenaan.

9.00 pagi

Kami memulakan pendakian dengan penuh bersemangat. Semakin tinggi kami mendaki semakin sejuk kami rasakan. Di sepanjang perjalanan kami dapat melihat pelbagai flora yang menakjubkan. Keindahan alam semula jadi yang masih belum tercemar begitu menambat hati kami. Kami tidak melepaskan peluang bertanya kepada Pak Mail tentang khazanah rimba yang belum pernah kami temukan selama ini. Pak Mail memperkenalkan kepada kami pokok-pokok, akar, dan daun-daun ubat tradisional seperti Tongkat Ali, Keduduk Putih, dan Kacip Fatimah.

12.30 tengah hari

Kami berhenti rehat di tebing sebatang anak sungai untuk makan tengah hari. Setakat ini kami tidak menghadapi sebarang masalah, namun cabaran yang bakal ditempuhi pastinya lebih hebat.

1.30 Petang

Kami meneruskan perjalanan. Pendakian semakin mencabar. Ketahanan fizikal dan mental kami benar-benar teruji. Kami terpaksa meniti batang balak untuk melepasi halangan, berjalan di lereng bukit dengan hanya berpaut pada akar, dan melintasi empat batang sungai yang deras airnya. Setelah lebih kurang empat jam menempuh pelbagai rintangan dan dugaan, akhirnya kami tiba di Lata Lawin. Setelah mendapat tempat yang sesuai, kami pun memasang khemah.

- 16 Pukul berapakah penulis tiba di kaki Gunung Inas?
- A 7.30 pagi
 - B 8.30 pagi
 - C 9.00 pagi
 - D 9.30 pagi
- 17 Mengapakah Pak Mail dipilih menjadi jurupandu dalam pendakian itu?
- A Pak Mail adalah anak jati Kampung Ulu.
 - B Pak Mail amat arif tentang pokok-pokok, akar dan daun-daun ubat tradisional.
 - C Pak Mail mahir tentang keadaan yang bersangkutan-paut dengan kawasan di gunung itu.
 - D Pak Mail sangat peramah dan baik hati.
- 18 Berapa lamakah penulis dan rakan-rakannya berhenti rehat?
- A setengah jam
 - B sejam
 - C satu jam setengah
 - D dua jam
- 19 Mengapakah penulis mengatakan bahawa pendakian mereka semakin mencabar?
- A kerana terpaksa meniti batang balak
 - B kerana terpaksa bejalan di lerang bukit
 - C kerana terpaksa melintasi sungai yang deras
 - D kerana terpaksa memasang khemah
- 20 Pilih pernyataan yang tidak benar.
- A Penulis dan rakan-rakannya memulakan pendakian pada pukul 9.00 pagi.
 - B Alam semula jadi di kawasan itu masih belum tercemar.
 - C Penulis dan rakan-rakannya tiba di lata Lawin pada pukul 6.00 petang.
 - D Tongkat Ali

Soalan 21 hingga Soalan 32

Pilih soalan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

- 21 Mak Limah dan anak perempuannya, Harnita sedang _____
bunga di ruang tamu rumahnya.
A mengubah
B menukar
C menggubah
D merobah
- 22 Ketika kejadian gempa bumi, beberapa buah bangunan di kawasan itu
_____.
A berdetar
B bergegar
C bergetar
D bergoncang
- 23 “Janganlah asyik _____ saja di rumah. Rajin-rajinlah
bergaul dengan masyarakat sekeliling,” kata Puan Sarah kepada anak-
anaknya.
A terserap
B terperap
C terperangkap
D teresap
- 24 Encik Murad _____ maklumat peribadinya bersama-sama
dengan borang permohonan itu.
A melampirkan
B lampiran
C dilampirkan
D lampir
- 25 Sebagai akibat kegawatan ekonomi negara, projek perumahan di
kawasan itu telah _____.
A musnah
B terbengkalai
C sia-sia
D selesai

- 26 “ _____ kamu sudah ditipu oleh jurujual itu,” kata Lim kepada Ramasamy.
A Entah
B Entah-entah
C Jangan
D Bukan-bukan
- 27 _____ Adib, abangnya yang berbadan besar itu _____ tidak mampu untuk mengangkat kotak itu.
A Makin...makin
B Sungguhpun...namun
C Bukan saja...tetapi juga
D Jangankan...pun
- 28 _____ pemimpin _____ rakyat mestilah sama-sama berganding bahu untuk mebangunkan negara.
A Baik...mahupun
B Biarpun...namun
C Entah...entah
D Mula-mula...kemudian
- 29 Semasa melancong ke India, Puan Maimun membeli se _____ anting-anting berlian dan dua _____ rantai emas.
A bentuk...ulas
B pasang...utas
C butir...untai
D buah...urat
- 30 Bunyi beberapa _____ tembakan itu telah menyebabkan se _____ kerbau lari bertempieran.
A pucuk...kumpulan
B laras...kelompok
C das...kawan
D kerat...gerombolan

Soalan 31 dan Soalan 32

Pilih lawan kata bagi kata yang bergaris.

- 31 Pak Sudinlah yang yang menggali lubang di belakang pondok itu.
- A menimbus
 - B mengorek
 - C meratakan
 - D menggerudi
- 32 Setelah sepuluh tahun bekerja di kilang itu, Amir sangat mahir membuat kerja-kerjanya.
- A bijak
 - B kekok
 - C tegas
 - D rajin

Soalan 33 dan Soalan 34

*Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca yang betul**.*

- 33 A “Zambri! Mengapakah kamu tidak menghadiri mesyuarat Kelab Komputer semalam!” tanya Rahim.
B “Zambri? Mengapakah kamu tidak menghadiri mesyuarat Kelab Komputer semalam?” tanya Rahim.
C “Zambri, mengapakah kamu tidak menghadiri mesyuarat Kelab Komputer semalam?” tanya Rahim.
D “Zambri, mengapakah kamu tidak menghadiri mesyuarat Kelab Komputer semalam!” tanya Rahim.
- 34 A Wahai! Rakan-rakan sekalian. Tabahlah menghadapi dugaan ini dan jangan sekali-kali kamu berputus asa.
B Wahai, rakan-rakan sekalian! Tabahlah menghadapi dugaan ini dan jangan sekali-kali kamu berputus asa!
C Wahai rakan-rakan sekalian. Tabahlah menghadapi dugaan ini dan jangan sekali-kali kamu berputus asa.
D Wahai rakan-rakan sekalian! Tabahlah menghadapi dugaan ini dan jangan sekali-kali kamu berputus asa.

Soalan 35 dan Soalan 36

Pilih ayat yang paling sesuai sebagai jawapan kepada ayat yang bergaris.

- 35 Apakah rancangan kamu setelah tamat kursus kemahiran ini nanti?
- A Saya yakin bahawa saya pasti akan berjaya menamatkan kursus ini.
 - B Benar kata kamu itu. Saya perlulah mempunyai rancangan selepas tamat kursus ini.
 - C Saya tidak pasti tempoh untuk menamatkan kursus ini.
 - D Saya bercadang untuk memulakan perniagaan kecil di kampung saya.
- 36 Adakah kamu akan menerima tawaran daripada syarikat multimedia itu?
- A Ya, saya ada menerima tawaran daripada syarikat multimedia itu.
 - B Saya telah diminta untuk melaporkan diri di syarikat multimedia itu pada minggu depan.
 - C Saya belum lagi membuat sebarang keputusan. Hal ini akan saya pertimbangkan semasak-masaknya.
 - D Tidak. Saya belum lagi memberitahu keluarga saya tentang surat tawaran tersebut.

Soalan 37 hingga Soalan 39

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 37
- I Semua murid-murid sedang berbaris di padang sekolah.
 - II Jalan ke puncak bukit itu sempit dan bengkok-bengkok.
 - III Sungguh meriah sekali sambutan Hari Guru di sekolah kami.
 - IV Penduduk di kawasan itu dinasihati agar segera berpindah ke tempat yang lebih selamat.
- A I dan II sahaja
 - B II dan IV sahaja
 - C I, II, dan IV sahaja
 - D I, II, III, dan IV
- 38
- I Sudah satu setengah jam kami menunggu kedatangan Arjun.
 - II Bungkusannya itu saya menerima daripada rakan saya, kasim.
 - III “Kejadian tanah runtuh itu berlaku bila?” tanya Salmi kepada Firdaus.
 - IV Hampir separuh daripada kawasan itu ditumbuhi pepohon hijau.
- A I dan III sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan IV sahaja
 - D I, II, III, dan IV

- 39 I Berbagai kegiatan telah dijalankan oleh Kelab Kembara sepanjang tahun ini.
II Ramesh mengambil segugus anggur dari dalam kotak itu.
III Ibu bapa mestilah memberikan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak mereka.
IV Saya sering mengunjungi restoran itu kerana amat sukakan masakan yang disediakan di situ.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

Soalan 40 dan Soalan 41

Pilih kata ganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud **banyak**.

- 40 I Di atas meja itu terhidang lauk-pauk yang telah dimasak oleh ibu.
II Ayah tidak mahu melalui kawasan itu kerana jalannya lekak-lekuk.
III Saya termenung sambil memperhatikan orang ramai yang lalu-lalang di situ.
IV Puan Bahiah terkejut apabila melihat calar-balar di badan anaknya.
- A I dan III sahaja
B I dan IV sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV
- 41 I Paru-paru merupakan organ yang penting dalam proses pernafasan manusia.
II Sikap tolong-menolong perlulah disemaikan dalam diri setiap anggota masyarakat kita.
III Sudah bertahun-tahun lamanya Ghani menanggung penderitaan itu.
IV Sayur-mayur yang ditanam di situ akan dieksport ke Singapura.
- A I dan III sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

Soalan 42 dan Soalan 43

Pilih kata ganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud **berulang-ulang**.

- 42 I Nilam terbongkok-bongkok sambil mencuba membetulkan tali kasutnya.
II Ayah ketawa terbahak-bahak sewaktu menonton rancangan komedi itu.
III “Mengapa kamu termengah-mengah seperti orang kepenatan,” tanya Puan Lim kepada anaknya.
IV Encik Maniam berura-ura ingin meletakkan jawatan jika tuntutananya tidak dipenuhi oleh majikannya.
- A I dan III sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, III, dan IV
- 43 I Kumaran menjolak-jolok buah mangga itu dengan menggunakan sebatang galah.
II Kedua-dua pihak yang bertelingkah itu akhirnya bermaaf-maafan.
III Puan Surina sentiasa berdoa moga-moga anaknya berjaya dalam peperiksaan.
IV Walaupun itu sudah lama berlaku, Jasni masih lagi teringat-ingat akan peristiwa hitam itu.
- A I dan IV sahaja
B II dan III sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV
- 44 I Sewaktu saya sedang berehat di beranda, saya mendengar suara orang menjerit-jerit meminta tolong.
II Kereta itu berpusing-pusing sebelum jatuh ke dalam gaung.
III Amalan ziarah-menziarahi perlu dijadikan budaya hidup kita.
IV Pak Salim mundar-mandir di dalam itu sementara menunggu kepulangan anaknya.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

Soalan 45 hingga Soalan 47

Pilih ayat yang sama maksudnya dengan ayat yang bergaris.

- 45 Para pelajar diminta menanam pokok bunga-bunga di kawasan sekolah untuk mewujudkan suasana persekitaran yang indah dan harmoni.
- A Para pelajar yang menanam pokok bunga-bunga di kawasan sekolah diminta mewujudkan suasana persekitaran yang indah dan harmoni.
 - B Suasana yang indah dan harmoni pasti dapat diwujudkan sekiranya para pelajar diminta menanam pokok bunga-bunga di kawasan sekolah.
 - C Untuk menjadikan suasana persekitaran sekolah indah dan harmoni, para pelajar diarahkan menanam pokok bunga-bunga di kawasan sekolah.
 - D Andainya suasana persekitaran yang indah dan harmoni ingin diwujudkan, para pelajar perlulah menanam pokok bunga-bunga di kawasan sekolah.
- 46 Sekiranya masalah ini tidak dibendung dengan segera, nescaya kesan yang lebih buruk akan dapat dilihat pada masa akan datang.
- A Masalah ini perlu diatasi dengan segera kerana pada masa akan datang kesannya akan menjadi lebih buruk.
 - B Andainya pada masa akan datang masalah ini akan mendatangkan kesan yang lebih buruk, maka eloklah masalah ini dibendung segera.
 - C Kesan yang lebih buruk akan dapat dilihat pada masa depan jika masalah ini tidak diatasi dengan segera.
 - D Biarpun masalah ini tidak dibendung dengan segera, namun kesannya akan menjadi lebih buruk pada masa hadapan.
- 47 Amalan terlalu mengagung-agungkan barangan import perlu dikikis kerana kini mutu barangan keluaran tempatan juga tidak kurang hebatnya.
- A Sungguhpun kini mutu barangan keluaran tempatan tidak kurang hebatnya, amalan mengagung-agungkan barangan import perlulah dikikis.
 - B Jika mutu barangan keluaran tempatan kini meningkat, maka amalan mengagung-agungkan barangan import perlulah dikikis.
 - C Amalan mengagung-agungkan barangan import dan tempatan yang kurang hebat mutunya perlulah dikikis.
 - D Oleh sebab mutu barangan keluaran tempatan tidak kurang hebatnya, maka amalan terlalu mengagung-agungkan barangan import perlulah dikikis.

Soalan 48 hinggg Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang bergaris dengan betul.

- 48 I Murid-murid diarahkan beratur di luar kelas masing-masing.
II Encik Daud baru saja mendapat lesen kontraktor kelas A.
III “Harimau tergolong dalam kelas apa?” tanya Cikgu Jalil kepada murid-muridnya.
IV Barang-barang yang dijual di kedai itu tiada kelas.
- A I dan III sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, III, dan IV
- 49 I “Simpanlah barang kemas itu baik-baik,” pesan Mak Som kepada anaknya.
II Pandulah kenderaan anda baik-baik kerana jalan di kawasan ini berbahaya.
III Rancangan dokumentari ini baik-baik ditonton oleh seisi keluarga.
IV Baik-baik pelajar mahupun guru mestilah bersama-sama menjaga kebersihan sekolah.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV sahaja
- 50 I Ayah singgah di pasar untuk membeli sekilo ikan kembung.
II Anak kecil itu menangis kerana perutnya kembung.
III Semakin ditiup, semakin kembunglah belon itu.
IV Bunga-bunga ini kembung pada waktu pagi.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, III, dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN KERTAS MODEL: SET 2/2001

- | | | |
|-------|-------|-------|
| 1. C | 21. C | 41. B |
| 2. D | 22. B | 42. C |
| 3. C | 23. B | 43. A |
| 4. B | 24. A | 44. C |
| 5. A | 25. B | 45. C |
| 6. B | 26. B | 46. C |
| 7. C | 27. D | 47. D |
| 8. A | 28. A | 48. C |
| 9. B | 29. B | 49. A |
| 10. A | 30. C | 50. C |
| 11. B | 31. A | |
| 12. B | 32. B | |
| 13. A | 33. C | |
| 14. C | 34. D | |
| 15. A | 35. D | |
| 16. B | 36. C | |
| 17. C | 37. B | |
| 18. B | 38. B | |
| 19. D | 39. B | |
| 20. C | 40. B | |